

## **PENDEKATAN DAKWAH DALAM SURAH AN-NAHL KE ATAS REMAJA BERMASALAH SOSIAL DI KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN (KRK) KAMPONG BELIMBING SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### ***DAKWAH APPROACH IN SURAH AN-NAHL TO TEENAGERS WITH SOCIAL PROBLEMS IN WELFARE HOUSE COMPLEX (KRK), KAMPONG BELIMBING SUBOK, BRUNEI DARUSSALAM***

**Seri Ramizah Matussin<sup>1</sup>  
Anis Malik Thoha<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), (Email: seriramizahmatussin@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), (Email: malik.thoha@unissa.edu.bn)

#### **Article history**

**Received date** : 1-8-2021  
**Revised date** : 2-8-2021  
**Accepted date** : 3-9-2021  
**Published date** : 18-9-2021

#### **To cite this document:**

‘Seri Ramizah Matussin & Anis Malik Thoha (2021). Pendekatan Dakwah Dalam Surah An-Nahl Ke Atas Remaja Bermasalah Sosial Di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbing Subok, Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 32-40.

---

**Abstract:** *Mutakhir ini permasalahan sosial remaja sering menjadi topik perbincangan di kalangan masyarakat. Perkara yang penting untuk diketengahkan adalah apakah pendekatan terbaik dalam memulihkan remaja yang terlibat dengan permasalahan sosial ini. Maka pendekatan dakwah dalam surah an-Nahl 16:125 iaitu dakwah bil-hikmah, bil-mau'izhah al-hasanah dan bil-mujadalah bil-Husna dilihat sebagai metode dakwah yang terbaik dan komprehensif untuk dilaksanakan terhadap pemulihan dan bimbingan remaja yang terlibat dengan permasalahan sosial. Di dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Kampong Belimbing Subok merupakan Institusi Kerajaan yang dijadikan untuk menangani permasalahan sosial remaja. Pelaksanaan dakwah kepada remaja tahanan di KRK setentunya memerlukan strategi yang sesuai dengan latar belakang mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan dakwah yang diguna pakai oleh para pembimbing di KRK dalam menjalankan program bimbingan di sana. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menggunakan metode lapangan melalui temubual kepada para pembimbing dan juga analisis dokumen berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa elemen pelaksanaan pendekatan dakwah di KRK masih boleh dipertingkatkan lagi dengan penambahbaikan terhadap aspek kandungan pengisian dan juga metode bimbingan yang bersesuaian dengan metode dakwah dalam surah al-Nahl 16:125.*

**Keywords:** *Dakwah, An-Nahl, Remaja Bermasalah Sosial, Pembimbingan Remaja, Kompleks Rumah Kebajikan*

**Abstract:** *Lately, teenage social problems often become a topic of discussion in society. The prominent aspect to highlight is to find the best approach in rehabilitating teenagers involved with these social problems. Therefore, the da'wah approach in surah an-Nahl 16: 125, namely da'wah bil-hikmah, bil-mau'izhah al-hasanah and bil-mujadalah bil-Husna are seen as the best and comprehensive method of da'wah to be implemented on the rehabilitation and guidance of teenagers involved. In the context of Brunei Darussalam, the Welfare Home Complex (KRK), Kampong Belimbing Subok is a Government institution designed to handle the social problems of teenagers. The implementation of da'wah to teenage detainees in KRK certainly requires a strategy that suits their background. Thus, this study aims to identify the da'wah approach used by the mentor in conducting guidance programs. This study applies a qualitative method using field studies through interviews with the mentor as well as doing analysis of related documents. The study concludes that the elements of the implementation of the da'wah approach in KRK can still be further improved with the enhancement of the da'wah content. The guidance method should be design so it can be in line to the method of da'wah in surah al-Nahl 16: 125.*

**Keywords:** *Da'wah, An-Nahl, Teenagers with Social Problems, Teenager Guidance, Welfare Home Complex*

---

## **Pendahuluan**

Dakwah Islamiah dan segala hal yang berkaitan dengannya adalah suatu kajian yang perlu untuk sentiasa dikaji dan dibincangkan. Bahkan juga perlu dilihat lagi mengikut konteks yang sesuai dengan aliran zaman sekarang. Adapun Dakwah Islamiah itu tidak terbatas pada sasarannya iaitu kepada sekalian manusia. Dakwah kepada yang sudah beragama Islam adalah dakwah yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti Iman, Islam dan ihsan. (Novri Hardian, 2018) Jadi orang Islam sendiri juga perlu untuk didakwah agar sentiasa di dalam jalan lurus yang diredhai Allah S.W.T dan terhindar daripada kesesatan. Salah satu kaedah dalam menangani permasalahan sosial ini ialah dengan kegiatan dakwah (Mohammad Hamdan Abdullah, *et.al* 2018M).

Mutakhir ini meningkatnya tuntutan dakwah sebagaimana meningkatnya penglibatan remaja ke dalam masalah-masalah sosial. Semakin negara membangun, perkembangan remaja juga semakin maju seiring dengan kemajuan teknologi. Pencapaian remaja dalam bidang pendidikan dan inovasi juga sangat membanggakan. Namun, perkara yang menyedihkan ialah terdapat segelintir remaja tidak selari dengan kemajuan tersebut (Siti Aishah Sulaiman, 2017).

Perkara ini jika terus berleluasa akan membawa mereka kepada keruntuhan akhlak, menyalahi nilai dan norma kehidupan bermasyarakat dan juga boleh membawa mereka ke kancan jenayah serta kehancuran masa depan mereka. Di Negara Brunei Darussalam, KRK adalah merupakan Institusi Kerajaan yang dijadikan sebagai pusat penempatan untuk remaja yang terlibat dengan permasalahan sosial. Permasalahan sosial amat memerlukan satu pengurusan dakwah yang bersistematik untuk memastikan tujuan dakwah, bimbingan dan pemulihan yang dijalankan tercapai.

Pendakwah perlu mengambil peranan untuk memberikan penjelasan dan kefahaman menyeluruh mengenai Islam agar dakwah yang dijalankan dapat menyelesaikan pelbagai masalah sosial yang melanda remaja kita sekarang. Di samping itu agar dapat menarik

kembali remaja kita yang telah terjerumus untuk kembali ke jalan yang benar dengan pendekatan dakwah yang bersesuaian. Pendekatan dan metode dakwah adalah sesuatu yang sangat penting dalam memaksimumkan keberkesanan dakwah yang dijalankan. Oleh yang demikian, strategi pendekatan dan isi pengajaran yang baik dan bermutu adalah perlu untuk diterapkan dalam diri setiap pendakwah (Saifulazry Mokhtar *et.al*, 2019). Justeru kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pendekatan dakwah yang diguna pakai oleh para pembimbing di KRK dalam menjalankan dakwah dan bimbingan ke atas remaja tahanan di sana.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur terhadap pembimbing-pembimbing di KRK sebagai data utama dalam mengenal pasti pendekatan yang dijalankan dalam program bimbingan terhadap remaja tahanan di KRK. Analisis dokumen berkaitan juga turut digunakan sebagai data sokongan.

### Metode Dakwah Dalam Surah An-Nahl 16:125

Allah S.W.T telah mengajarkan asas pendekatan dakwah kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui Surah an-Nahl 16:125. Firman Allah Ta'ala:

( اِدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بآتِي هِيَ أَحْسَنُ )

*Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.*

Dakwah apabila dikemudikan dengan asas pendekatan yang betul boleh membawa kepada kelancaran serta keberkesanan dakwah tersebut. Surah an-Nahl 16:125 ini bukan hanya berkait tentang metode dakwah, malah juga merangkumi aspek lain iaitu subjek dan bahan yang disampaikan. Tiga elemen dakwah dalam ayat di atas, iaitu *al-hikmah*, *al-Mau'izhah al-Hasanah* dan *al-Mujadalah bil-lati hiya ahsan* disesuaikan mengikut keadaan sasaran yang dihadapi dan setentunya memerlukan strategi kerohanian yang sesuai dengan latar belakang mereka (Saifulazry Mokhtar *et.al*, 2019).

Menurut Abdul Ghafar Don (2010) ketiga elemen ini sesuai penggunaannya dalam semua konteks dan keadaan. Aliasan (2011) menyatakan elemen-elemen ini pastinya dapat digunakan kepada semua lapisan masyarakat termasuklah para remaja bermasalah sosial. Hal ini juga senada dengan pendapat Ummi Fa'izah Abdul Rahman (2016) bahawa elemen tersebut adalah sesuai untuk diaplikasikan sepanjang masa dan pelbagai tempat. Oleh itu, adalah satu keperluan bagi setiap pendakwah untuk memiliki kemahiran ketiga elemen metode dakwah ini di dalam menangani permasalahan sosial dalam kalangan remaja. (Abdul Halim & Khadijah, 2004). Justeru para pendakwah hendaklah bijak dalam menggabungkan ketiga-tiga elemen tersebut berdasarkan keperluan semasa (Abdul Ghafar Don, 2010).

### *Al-Hikmah*

Perkataan *al-hikmah* dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasit* (2008) bermakna adil, ilmu pengetahuan, kesabaran dan menyampaikan sesuatu yang benar dengan lemah lembut. Manakala di dalam Kamus Dewan (2007) pula, perkataan hikmah bermaksud kebijaksanaan, kecerdikan, kelebihan dan tujuan sebenar disebalik sesuatu. Di dalam *Tafsir al-Munir* (2018), perkataan *al-hikmah* ialah menyampaikan dengan perkataan yang kuat dan kukuh, iaitu

bertindak sebagai dalil yang kuat dalam menerangkan kebenaran dan sekaligus menghilangkan kersyubhatan. Di dalam *Tafsir Ibnu Katsir* (2000) pula *al-hikmah* adalah ketepatan dalam perkataan dan perbuatan serta menempatkan segala sesuatu pada tempatnya.

Adapun dalam *Tafsir Fi Zilal Al-Qur'an* (2010), hendaklah menjalankan dakwah itu dengan cara yang bijaksana mengikut keadaan dan kadar kemampuan mad'u dengan menggunakan bahasa yang sesuai. Di samping mempelbagaikan cara mengikut keadaan mad'u agar dakwah yang disampaikan tidak memberatkan mereka. Abdul Karim Zaidan (2001) mengibaratkan keperluan seorang doktor untuk mengetahui penyakit yang dialami oleh pesakitnya sebelum menentukan ubatnya. Begitulah juga situasi berdakwah, pendakwah hendaklah terlebih dahulu mengetahui keadaan dan tahap kemampuan mad'u agar dakwah yang dijalankan bersesuaian dengan keadaan dan tahap penerimaan mad'u. Jelas perkaitan antara makna-makna di atas elemen dakwah *al-hikmah* itu ialah kebijaksanaan menyampaikan Islam samada perkataan dan perbuatan dalam membuktikan kebenaran dan menghilangkan keraguan dengan mengambil kira keadaan dan kadar kemampuan penerimaan mad'u.

#### ***Al-Mau'izhah al-Hasanah***

Perkataan *al-wa'zu* dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasit* (2008) bermakna memberi peringatan tentang kewajipan yang diperintahkan oleh agama di dalam meraih redha Allah dunia akhirat. Dalam *Tafsir al-Munir* (2018), *al-Mau'izhah al-hasanah* membawa maksud nasihat, pelajaran dan ibrah bermanfaat dan perkataan lembut. Di dalam *Tafsir Ibnu Katsir* (2000) pula perkataan ini membawa maksud cara yang lemah lembut dalam menyampaikan pengajaran. Sayyid Qutb (2010) menerangkan hendaklah menyampaikan dakwah itu dengan pengajaran yang baik dengan lemah lembut sehingga mampu meresap ke dalam hati mad'u dan mengelak daripada menggunakan kekerasan dan celaan yang buruk. Dapat difahami bahawa maksud *al-mau'izhah al-hasanah* ialah memberi nasihat dan pengajaran mengenai Islam dengan penuh kelembutan sehingga sampai ke hati mad'u.

#### ***Al-Mujadalah bil-Husna***

Dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasit* (2008) perkataan *al-mujadalah* bermakna bertukar pandangan dan berdebat dalam mendapatkan solusi dan penyelesaian. Di dalam *Tafsir al-Munir* (2018), *al-mujadalah bil-husna* ialah arahan untuk berdebat dengan cara yang paling baik iaitu berlemah lembut dan memberikan dalil yang tepat dan kuat. Sementara dalam *Tafsir Ibnu Katsir* (2000), perkataan ini membawa makna jika ada yang mengajak debat atau diskusi hendaklah berdebat dengan wajah berseri, lemah lembut dan bahasa yang sopan. Menurut Sayyid Qutb (2010), perdebatan di dalam dakwah hendaklah suatu perdebatan yang baik tanpa tekanan atau hinaan sehingga mampu memberi keyakinan kepada mad'u dan hanya semata-mata untuk menunjukkan kebenaran serta memberi petunjuk ke jalan yang di redhai Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jelas di sini perdebatan dan diskusi yang dianjurkan dalam berdakwah hanyalah dengan cara yang paling baik iaitu dengan penuh kelembutan dengan mendatangkan bukti yang tepat dan padat sehingga membawa kepada penyelesaian dan jawapan.

#### **Kompleks Rumah Kebajikan, Kampong Belimbing Subok**

Di Negara Brunei Darussalam, Institusi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam pemulihan remaja bermasalah sosial ialah Kompleks Rumah Kebajikan, Kampong Belimbing Subok (KRK). KRK berada di bawah Institusi Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS). KRK ditubuhkan pada tahun

1982 yang dijadikan tempat perlindungan dan penjagaan sementara bagi individu berumur 19 tahun dan kebawah yang terlibat dalam masalah sosial dan kes juvana. KRK bertindak sebagai rumah tahanan, pemulihan dan bimbingan sementara bagi mereka. Penempatan residen di KRK adalah samada atas perintah mahkamah atau Pesuruhjaya Pengarah selepas menjalani beberapa prosedur tertentu. Di situlah mereka akan diberikan tempat perlindungan, pemulihan, bimbingan dan latihan sementara agar kembali menjadi insan yang berakhlak mulia berdisiplin dan berdaya maju melalui program dan latihan yang diberikan (Portal Rasmi JAPEM).

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Terdapat enam orang pembimbing di KRK juga merupakan guru agama yang bertanggungjawab menjalankan bimbingan dan juga mengajarkan subjek-subjek sekolah agama bagi remaja yang masih bersekolah agama. Program Bimbingan Agama khusus bagi remaja tahanan akan berlangsung setiap pagi bermula jam 8 pagi sehingga jam 11.15 pagi pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Kemasukkan remaja tahanan ke dalam KRK akan melalui gred-gred tertentu iaitu bermula gred 0 sehingga 4. Setiap kenaikan gred adalah mengikut prestasi remaja dan setelah menjalani beberapa ujian serta penilaian daripada beberapa pihak tertentu.

Mengenai pendekatan yang dijalankan pembimbing di KRK, hasil temubual mendapati rata-rata para pembimbing di KRK mengetahui akan surah an-Nahl ayat 125 namun masih kurang memahami apa intipati serta penerangan ayat tersebut. Antara dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa metode dakwah *al-hikmah*, *al-Mau'izhah al-Hasanah* dan *al-mujadalah bil-husna* yang telah dijalankan oleh para pembimbing di KRK antaranya:

#### ***Lemah Lembut Dan Tegas***

Hasil temubual mendapati majoriti pembimbing menekankan pendekatan lemah lembut dalam menjalankan bimbingan terhadap remaja tahanan di KRK. Kemasukan remaja ke dalam KRK adalah daripada pelbagai keadaan dan latar belakang. Perasaan dan fikiran remaja tahanan tersebut setentunya masih berada di luar. Jadi adalah perlu bagi pembimbing untuk berlemah lembut yang mempunyai ketegasan di dalamnya. Hal ini bertepatan dengan metode dakwah *al-Mau'izhah al-hasanah* yang membawa maksud cara yang lemah lembut dalam menyampaikan pengajaran (Tafsir Ibnu Katsir, 2000)

Kaedah ini disebutkan oleh Responden 1 bahawa pembimbing tidak boleh berkasar semasa berhadapan dengan remaja. Kekasaran hanya akan menimbulkan perasaan benci dalam diri mereka. Responden 6 juga turut menyatakan bahawa sifat remaja hendaklah dihadapi dengan sabar dan tidak sesekali menggunakan kekerasan. Perkara yang paling utama adalah sifat sabar dalam menjalankan bimbingan. Responden 4 juga menjelaskan bahawa pendekatan yang sepatutnya adalah dengan berlemah lembut beserta ketegasan. Ini adalah kerana remaja mempunyai perasaan yang sensitif, penuh dengan tekanan dan kecelaruan emosi setentunya memerlukan pendekatan dakwah yang berhikmah dalam proses bimbingan terhadap golongan ini (Fariza Md Sham, 2015).

Daripada penerangan di atas, pendekatan lembut dan tegas ini adalah salah satu kaedah yang amat perlu untuk ditekankan dalam menjalankan dakwah terutama sekali terhadap remaja. Sifat lembut akan mendekatkan remaja dan mampu membuka pintu hati mereka untuk menerima dakwah yang disampaikan. Antara elemen pendekatan dakwah dalam *al-Mau'izhah*

*al-hasanah* adalah menyampaikan pengajaran yang baik dengan lemah lembut sehingga mampu meresap ke dalam hati mad'u tanpa menggunakan sebarang celaan dan kekerasan terhadap para remaja. (Sayyid Qutb, 2010).

### ***Mengikut Keadaan Remaja***

Di dalam menyampaikan dakwah, para pendakwah perlu bijak mengambil pendekatan yang bersesuaian dengan mengambil kira latar belakang dan kemampuan setiap mad'u agar mampu menarik mad'u dalam dakwah yang disampaikan. Setiap kata dan perbuatan hendaklah tepat dan betul berdasarkan dalil agar dapat menghapus sebarang kekeliruan (Abdul Ghaffar Don, 2010). Perkara ini selari dengan metode dakwah *al-hikmah* di dalam Surah an-Nahl 16:125 iaitu ketepatan dalam perkataan dan perbuatan serta menempatkan segala sesuatu pada tempatnya (*Tafsir Ibnu Katsir*, 2000).

Di dalam konteks KRK, bagi para pembimbing di sana mengetahui latar belakang para remaja tahanan adalah suatu perkara yang penting agar kaedah pendekatan yang digunakan tepat. Hal ini senada dengan pendapat Abdul Karim Zaidan (2001) bahawa sebelum menjalankan dakwah hendaklah mengetahui terlebih dahulu keadaan mad'u. Melalui temubual yang dijalankan mendapati bahawa majoriti pembimbing menekankan hal ini adalah penting. Di dalam temubual yang telah dijalankan, Responden 4, 5 dan 6 bersependapat bahawa bimbingan yang dijalankan adalah dengan melihat keadaan para remaja, jika keadaan para remaja kurang baik maka pembimbing akan mendatangkan cerita dan jenaka terlebih dahulu untuk menarik minat dan mengambil hati para remaja tahanan sebelum menjalankan bimbingan. Responden 1 juga menyatakan bahawa perlunya mengikut keadaan para remaja dan juga mengikut tempoh kemasukan mereka ke dalam KRK yang mana dijalankan mengikut langkah dan tahap yang terkandung di dalam sistem gred yang ditetapkan. Menjadi keperluan menjalankan bimbingan dengan cara bijaksana mengikut keadaan dan kadar kemampuan para remaja dan menggunakan bahasa yang sesuai (*Tafsir Fi Zilal Al-Qur'an*, 2010).

### ***Membina Hubungan Yang Baik***

Di antara metode dakwah dalam Surah an-Nahl 16:125 yang dijalankan dalam bimbingan para pembimbing di KRK adalah dengan membina hubungan yang baik. Di antara penerangan metode dakwah *al-hikmah* itu ialah adil, ilmu pengetahuan, kesabaran dan menyampaikan sesuatu yang benar. Apa yang penting adalah untuk memastikan para remaja dapat menerima ajaran dan bimbingan yang disampaikan oleh para pembimbing dengan adik berilmu dan kesabaran. Kesemua itu dapat dicapai dengan adanya hubungan yang baik antara kedua pihak. Hubungan yang baik juga mambantu dalam memudahkan penyampaian dakwah dan setentunya mampu menumbuhkan perasaan percaya terhadap dakwah yang disampaikan sekaligus menghilangkan perasaan ragu (Abd Hadi, 2016).

Majoriti remaja tahanan di KRK mempunyai hubungan yang renggang bersama ibubapa di samping pengaruh rakan sebaya (Nurul Badriyah, 2017). Keperihatinan yang diberikan oleh para pembimbing berpotensi membuatkan mereka merasa diambil berat dan menyentuh hati mereka. Reponden 4 mengatakan bahawa kebanyakan remaja di sini kurang mendapatkan kasih sayang daripada ibubapa. Oleh itu mengasihi anak sendiri. Responden 6 juga menganggap diri sendiri sebagai ibubapa terhadap remaja di KRK. Dengan teknik-teknik yang tepat ini setentunya akan dapat membantu menjalinkan silaturrahim yang mesra di antara pembimbing dan remaja (Sailfulazry et.al, 2019). Dengan pembinaan hubungan yang

baik ini pastilah perjalanan dakwah dan bimbingan yang dijalankan akan menjadi mudah dan lancar.

### ***Memberikan Nasihat Dan Menjadi Role Model***

Adapun di antara elemen dakwah *mau'izhah al-hasanah* yang ketara terkandung di dalam pendekatan yang dijalankan oleh para pembimbing di KRK adalah memberikan nasihat dan juga menjadi *role model* kepada para remaja. Nasihat yang baik adalah merupakan peringatan dan teguran baik yang memalingkan seseorang daripada sifat buruk. Pelaksanaan nasihat ini lebih santun dengan fitrah manusia kerana penyampaiannya fokus kepada hati dan jauh dari pemaksaan kehendak (Ahmad Fauzi *et.al*, 2018). Kaedah ini terdapat di dalam metode dakwah *al-Mau'izhah al-hasanah* yang membawa maksud nasihat, pelajaran dan ibrah bermanfaat dan perkataan lembut (*Tafsir al-Munir*, 2018). Justeru adalah wajar bagi pendakwah untuk menggunakan teknik yang sesuai dalam memberi nasihat seperti berlemah lembut dan bertolak ansur.

Di samping memberi nasihat, pembimbing juga sekaligus menjadi *role model* kepada para remaja tahanan di KRK. Di dalam temubual juga mendapati bahawa Responden 1 menyatakan sebagai pembimbing dan guru agama selain mengajar, mereka juga berperanan sebagai ibubapa dan setentunya bagi para remaja pembimbing adalah sebagai conroh ikutan mereka. Responden 4 berpendapat bahawa *role model* ini adalah yang terbaik samada mereka berada di depan mahupun di belakang para remaja demi untuk meraih kepercayaan para remaja terhadap para pembimbing. Responden 6 menyatakan jika contoh yang baik ditunjukkan maka para remaja akan merasa hormat dan patuh. Bahkan lisan juga hendaklah mengeluarkan perkataan yang baik sebagai ikutan para remaja tahanan di KRK. Hal ini selari dengan metode dakwah *al-hikmah* iaitu ketepatan dalam perkataan dan perbuatan serta dalam menyampaikan sesuatu dakwah (*Tafsir Ibnu Katsir*, 2000). Para pembimbing bukan sahaja menyampaikan bimbingan dalam bentuk perkataan bahkan juga melalui perbuatan iaitu sebagai *role model* yang baik agar menjadi ikutan para remaja tahanan di KRK.

### ***Soal Jawab Dan Diskusi Yang Baik***

Soal jawab dan diskusi adalah antara kaedah yang diketengahkan dalam elemen dakwah *al-mujadalah bil-husna*. Metode ini setentunya dijalankan dengan cara yang baik dengan mengikut garis panduan yang tertentu. Menurut Sayyid Qutb (2010) matlamat sebenar metode ini dijalankan bukan untuk menang akan tetapi untuk memberikan penjelasan dan kebenaran kepada mad'u. Para pembimbing di KRK sering membukakan soalan dan diskusi kepada para remaja sebelum memulakan bimbingan. Seperti yang dinyatakan oleh Responden 5 lebih suka jika remaja yang mengajukan soalan kerana isi kandungan yang disampaikan lebih berkesan. Responden 2 dan 3 menyatakan jika dibukakan soalan pasti mereka mendapati banyak persoalan yang dikemukakan oleh pihak remaja. Responden 6 menyatakan bahawa jika setiap hari tazkirah para remaja akan merasa bosan, dengan berkala memberikan peluang para remaja memberi pendapat sebelum menjalankan bimbingan adalah dilihat juga berkesan dalam konteks penerimaan para remaja.

### **Kesimpulan**

Ketiga metode dakwah dalam surah an-Nahl 16:125 ini berkait rapat antara satu dengan yang lain malah sangat sesuai untuk diaplikasikan di semua keadaan. Oleh itu para pembimbing hendaklah sentiasa mempersiapkan diri dengan kaedah dan strategi yang cukup serta bijak menyatu padukan tiga metode dakwah tadi dalam menjalankan bimbingan terhadap remaja

tahanan di KRK. Pemulihan remaja bermasalah sosial tentunya memerlukan kepada pendekatan yang bersistematik dan holistik bagi menjayakan misi pemulihan di KRK secara berterusan.

## Rujukan

al-Quran al-Karim.

Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak. 2004. Dakwah dalam menangani isu-isu sosial di kalangan remaja. *ISoIT* 2004: 828 – 838.

Abdul Ghafar Don. (2010). Relevansi dan Aplikasi Ayat 125, Surah al-Nahl dalam Konteks Dakwah Serantau. *Al-Hikmah* 2: 127-134.

Abdul Hadi Borham. (2016). Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim Di Pedalaman Pensiangan, Sabah. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Ahmad Fauzi, Mustafa Kamal, Mohd Hakim. (2018). Analisis Cabaran Aplikasi Meodologi Mau'izah al-Hasanah Dalam Dakwah. Prosiding Konvesyen Serantau Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa Siri ke-4. 2018: 308-316.

Mohamed Hamdan Abdullah *et. al.* (2018) Pendekatan Motivasi Dalam Dakwah Remaja. *Jurnal Hadhari*. 10 (1): 77-92.

Alias. (2011). Metode Dakwah Menurut Al-Qur'an. *Jurnal Wardah*, No. 23: 143-151.

Ali, N. B. (2018). Metodologi pendakwah dalam program bimbingan remaja wanita bermasalah di Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah. *Sains Insani*, 2(2), 40-48. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.35>.

Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Nasir Sayyid Ahmad *et al.* *Al-Mu'jam al-Wasit* (Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-'Arabiyy, 2008), 198.

Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar. (2019). Program Dakwah Di Ipham Dalam Memantapkan Akidah Remaja. *Al-Hikmah* 11(2): 3-19.

Novri Hardian. (2018). Dakwah Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Hadits. *Al Hikmah*.

Qutb, Sayyid. (2010). Tafsir Fi Zilal al-Quran, Di Bawah Bayangan al-Quran. Jilid 6. Terj. Yusoff Zaky Yacob, Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.

Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie. (2019). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Terhadap Banduan Di Penjara Sandakan. *Al-Hikmah* 11(2): 68-87.

Siti Aishah Sulaiman. Didikan Agama Benteng Remaja Tolak Gengsterisme. BH online. April 22, 2017. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/04/274514/didikan-agamabenteng-remaja-tolak-gengsterisme>.

Suriani Sudi, Fariza Md Sham, Phayilah Yama Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi Dalam Menangani Permasalahan Sosial. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5(2): 269-278.

Tafsir, Tim Ahli. (2000). Shahih Tafsir Ibnu Katsir. Jilid 5. Terj. Tim Pustaka Ibnu Katsir. Ed. Abu Ahsan Sirojuddin Hasan Bashri. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.

Ummi Fa'izah Abdul Rahman, Salasiah Hanin Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar. (2016). Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Metodologi Dakwah *Al-Hikmah* 8(1): 29-42.

Wahbah, az-zuhaili. (2018). Tafsir Al-Munir Aqidah Syariah Manhaj. Jilid 7. Jakarta: Gema Insani.

Zaidan, Abdul Karem. (2001). Dasar-Dasar Ilmu Da'wah. Jilid 2. Terj. H.M. Asywadi Syukur. Jakarta: Dewan Pustaka Fajar.



Portal Rasmi JAPEM. Kompleks Rumah Kebajikan.

<http://www.japem.gov.bn/Institusi%20Kebajikan/Kompleks%20Rumah%20Kebajikan.aspx>